

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 29 OKTOBER 2013 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Perbesar industri alga mikro khas	Berita Harian
2	Ekspo i-inova'13 dekat di hati masyarakat	Berita Harian
3	Paten halang produk Inovasi dikomersialkan	Utusan Malaysia
4	Berguna kepada pengusaha makanan	Harian Metro
5	Grooming engineers for semiconductor fabricators	The Star
6	Produk UTM diiktiraf	Harian Metro
7	<i>Designed</i> program bual bicara baharu Bernama Radio24	Bername.com

Perbesar industri alga mikro khas

» Algaetech komited majukan kemudahan pengeluaran RM27 juta

Oleh Che Wan Badrul Alias
chewan@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Algaetech International Sdn Bhd, syarikat usaha sama antara Berjaya Group Bhd dan LM Greentech Sdn Bhd, akan memajukan kemudahan pengeluaran Haematococcus Pluvialis terbesar di Asia Tenggara.

Kemudahan pengeluaran ber-

nilai RM27 juta itu akan dibangunkan di Taman Teknologi Malaysia, Bukit Jalil.

Haematococcus Pluvialis adalah alga mikro khas digunakan bagi menghasilkan astaksantin yang mengandungi kandungan anti-oksida yang lebih tinggi.

Berdasarkan kajian, Carotenoids astaksantin memiliki 6,000 kali lebih tinggi berbanding vitamin C.

Ia digunakan secara meluas sebagai makanan tambahan bagi mengurangkan risiko kanser, meningkatkan daya tahan, pemulihan otot dan sebagai ejen anti-penuaan.

Pengasas dan Pengarah Urusan Algaetech, Datuk Paduka Syed Isa Syed Alwi, berkata apabila kemudahan seluas 1.21 hektar itu siap menjelang Ogos atau September tahun depan, ia akan

memiliki 120,000 kaki persegi sistem pengkulturan tertutup dan kemudahan pemrosesan bio bagi pengeluaran bio jisim itu.

Katanya, tambahan kemudahan itu kelak akan membolehkan syarikat mengeluarkan 3.5 tan bio jisim, sekali gus meletakkannya sebagai pengeluar terbesar bio jisim Haematococcus Pluvialis di rantau ini.

Permintaan cukup tinggi

"Kini hanya ada kurang daripada 10 syarikat pengeluar bio-jisim jenis ini di dunia ini. Inilah sebabnya permintaan terhadap Haematococcus Pluvialis cukup tinggi ketika ini kerana tidak banyak bekalan Astaksantin di pasaran.

"Boleh dikatakan Haematococcus Pluvialis yang kami keluarkan adalah berkualiti tinggi ke-



Ewon (dua dari kiri) mendengar penjelasan daripada Syed Isa pada majlis pecah tanah projek astaksantin, semalam.

(FOTO SURIANIE MOHD HANIE/BH)

rana semua proses dilaksanakan secara tertutup dan bersih, kerana itu produk keluaran kami menjadi pilihan utama pemarkas astaksantin terkemuka dunia," katanya selepas majlis pecah tanah kemudahan itu di Kuala Lumpur, semalam.

Majlis itu disempurnakan

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin.

Sementara itu, Syed Isa berkata, pihaknya kini meninjau peluang untuk mengembangkan operasinya ke Brunei dan beberapa lagi negara yang memiliki permintaan tinggi bagi industri alga.

Oleh Haziqah
Muhamad Radzi

Ekspo i-Inova'13 dekat di hati masyarakat

» *Tingkat kreativiti, inovasi secara globalisasi*

Ekspo Inovasi Islam (i-Inova'13) kali ke-4, anjuran Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang berlangsung pada 25-27 Oktober telah menerima seramai 7,000 pengunjung sepanjang ekspo dijalankan. Pelbagai program Orang Kurang Upaya (OKU) telah diadakan iaitu pameran, bengkel, konsultasi profesional multidisiplin dan karnival dan pertandingan produk inovasi. i-Inova'13 disertai institut pengajian tinggi (IPT) dan Pusat Penyelidikan Tempatan (RIs) tempatan dan antarabangsa dengan menyaksikan 140 produk dipertandingkan dan 16 IPT mengambil bahagian.

Selain itu, 7 IPT dan RIs antarabangsa yang terlibat dalam i-Inova kali ini ialah Indonesia, Brunei, Gaza, United Arab Emirates, Mesir, Sudan dan Pakistan. i-Inova'13 diadakan dengan kerjasama Akademi Sains Malaysia (ASM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) serta mendapat sokongan daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Program itu turut dimeriahkan dengan kehadiran rakan inovasi iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Persatuan Saintis

Muslim Malaysia (PERINTIS), Persatuan Rekacipta dan Rekabentuk Malaysia (MINDS), Yayasan Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa (FAQEH) dan Persatuan Usahawan Istimewa (OKU) Malaysia.

i-Inova'13 telah disempurnakan perasmianya oleh DYMM Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Binti Almarhum Tengku Besar Mahmud, selaku Tuanku Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), pada 26 Oktober 2013. Manakala YB Datuk Dr Abu Bakar bin Mohamad Diah, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sebagai perasmis Majlis Penutup dan penyampaian hadiah i-Inova'13 pada 27 Oktober 2013.

Selari dengan tema pada tahun ini iaitu *Inspiring Islamic Innovative Minds*, i-Inova'13 dilihat sebagai satu ekspo yang dekat di hati masyarakat dengan mem-



Pemenang Utama Anugerah Inovasi Islam Ekspo i-Inova'13 yang berlangsung baru-baru ini.

perkenalkan kategori produk baharu bagi golongan kurang upaya (OKU) yang berteraskan Sains Islam. Pada tahun ini, bertepatan dengan tema i-Inova'13, hadiah utama berbentuk trofi dan wang tunai RM3,000 iaitu Anugerah Inovasi Islam, yang menekankan sumbangan kepada ummah bagi kategori terbuka, disandang oleh produk bertajuk *Uthmanic Model Of*

Quranic Orthography In Braille, diketuai oleh PM Dr. Muhammad Mustaqim Mohd Zarif dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Produk ini turut menyandang Anugerah Ibnu Maqum (OKU) bagi inovasi golongan kurang upaya (OKU) di mana pemenang menerima trofi dan wang tunai RM1,500. Manakala Anugerah Inovasi Islam bagi kategori prasiswa-

zah disandang oleh produk bertajuk *Green Oil Absorbent from Modified Rubber*, diketuai oleh Dr. Mohamad Azwani Shah bin Mat Lazim, dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di mana pemenang menerima trofi dan wang tunai RM3,000. Produk ini turut menyandang Anugerah Ibnu Sina (Inovatif) di mana pemenang menerima trofi dan wang tunai RM1,500.

Bagi Anugerah Ibnu Sina (Inovatif) bagi kategori terbuka dimenangi oleh Agensi Nuklear Malaysia, bertajuk *Nucleoniceye: Portable/Mobile Gamma-Ray Gauge To 'See' Level And Its Content Inside Fire Extinguisher Vessel And Liquefied Gas Tanks*, membawa pulang sebuah trofi dan wang tunai RM1,500, diketuai oleh Dr Jaafar Abdullah.

Bagi Anugerah Al-Khawarizmi (Praktikaliti), pemenang membawa pulang sebuah trofi dan wang tunai RM1,500. Bagi kategori prasiswazah dimenangi oleh

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bertajuk *Horley Laska Noodle from Barley*, diketuai oleh PM Dr Alina Abdul Rahim. Produk ini juga memenangi anugerah MINDS (Kreativiti). Manakala kategori terbuka bagi Anugerah Al-Khawarizmi (Praktikaliti) bertajuk *Sustainable Pocket Edu: Interactive Mobile Learning*, dari Universiti Sains Malaysia (USM) dan diketuai oleh Dr Issham Ismail. Bagi Anugerah MINDS (Kreativiti) kategori terbuka dimenangi oleh syarikat Pisang Sdn. Bhd bertajuk *Dinarpal: Islamic Digital Money*.

Secara keseluruhan hanya 43% sahaja penyertaan pertandingan produk berjaya memperolehi pingat di i-Inova'13 tahun ini, iaitu 9% pingat emas, 12% pingat perak dan 22% pingat gangsa. Pada tahun ini, USIM telah berjaya merangkul sejumlah 6 pingat emas, 2 pingat perak dan 7 pingat gangsa.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 22
TARIKH : 29 OKTOBER 2013 (SELASA)

Paten halang produk inovasi dikomersialkan

JOHOR BAHRU 28 Okt. - Paten dilihat sebagai satu daripada halangan besar kepada sesuatu produk inovasi untuk dikomersialkan.

Timbalan Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah (**gambar**) berkata, beliau secara peribadinya tidak bersetuju apabila sesuatu produk inovasi itu dipatenkan kerana akan menyukarkan proses pemindahan teknologi dan pengkomersialan akibat wujud rasa takut.

Beliau berkata, perbincangan meja bulat Menteri-Menteri Sains dan Teknologi di Kyoto, Jepun baru-baru ini juga bersetuju bahawa perkara itu merupakan halangan terbesar dalam usaha pengkomersialan khususnya bagi produk inovasi terkini.

"Saya tidak bersetuju dengan isu paten ini kerana melihat proses pemindahan teknologi daripada universiti kepada usahawan atau orang

ramai dan proses memasarkan produk ini akan terhalang akibat perkara ini.

"Produk dihasilkan seharusnya dibawa ke dalam industri dan lihat siapa ingin menggunakannya. Misalnya, universiti hasilkan sesuatu selepas itu berjumpa dengan pihak industri. Sekiranya pihak industri bersetuju dan kemudiannya dipatenkan, itu tidak mengapa," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Seminar Kejuruteraan Geoteknologi dan Pengangkutan dan Kejuruteraan Pembinaan Bangunan 2013 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada di sini hari ini.

Seminar tiga hari itu disertai seramai 200 delegasi termasuk dari United Kingdom, Indonesia, Nigeria, Algeria, Bangladesh dan Iran, selain tuan rumah akan membincangkan isu terkini berkaitan industri pembinaan, penggunaan teknologi hijau, isu berkaitan tenaga



SEBAHAGIAN delegasi mendengar ucapan perasmian Seminar Kejuruteraan Geoteknologi dan Pengangkutan dan Kejuruteraan Pembinaan Bangunan 2013 di Johor Bahru, semalam.

pencemaran dan perubahan iklim dunia.

Abu Bakar berkata, budaya kreatifiti dan inovasi semakin ber-

kembang pesat dan negara ini memiliki pelbagai paten dalam industri termasuk dari universiti, politeknik dan sebagainya tetapi ka-

dar pengkomersialan produk masih rendah.

Beliau berkata, penghasilan kajian dan produk baharu itu juga dilihat sebagai sesuatu yang penting untuk aktiviti akademik, tetapi akhirnya hasil kajian yang berjaya diperoleh itu perlu dipasarkan untuk kegunaan masyarakat.

"Banyak pihak yang menentang idea ini, tetapi kita perlu ubah strategi untuk meningkatkan hasil pengkomersialan produk inovasi negara. Saya berharap agar diberi peluang untuk mengubah perkara ini," katanya.

Beliau berkata, tahun depan merupakan Tahun Pengkomersialan Produk Inovasi Negara dan pihaknya menyasarkan sebanyak 360 produk akan dikomersialkan menjelang 2020.

Katanya, produk yang berjaya dihasilkan perlu berada dalam pasaran seperti pasar raya atau farmasi dan sekitarnya produk itu melibatkan hasil kerja atau teknologi, maka sewajarnya berada dalam pasaran industri.

KERATAN AKHBAR
 HARIAN METRO (AGRO) : MUKA SURAT V2
 TARIKH : 29 OKTOBER 2013 (SELASA)

SEMURAN cecair pembasmi kuman dilakukan pada perkakasan

SAMPEL makanan dimasukkan ke dalam reagen penimbal bagi penyediaan sampel

Berguna kepada pengusaha makanan

Harga kit lebih murah bantu proses pengawalan keselamatan dan kualiti makanan

FOKUS

Oleh Mohd Sabran Md Sani
 sab@mediaprima.com.my

Fakta disajikan di hadapan penulis cukup merisaukan apabila 31 peratus kes keracunan makanan disebabkan bakteria bawaan makanan berpunca daripada Salmonella.

Ia diikuti Listeria sebanyak 28 peratus, Campylobacter lima peratus dan E. coli tiga peratus.

Meskipun bilangan kes bakteria bawaan makanan dirujuk secara global, peratusan kes yang dicatatkan di negara ini tidak banyak beza.

Malah, bakteria Salmonella menduduki tangga pertama dalam peratusan kes pencemaran makanan dan punca kebanyakan kes keracunan.

Persoalannya, apakah sebenarnya bakteria Salmonella dan mengapa ia perlu 'ditakuti' pengguna?

Salmonella adalah bakteria bawaan makanan yang menjadi penyebab utama kes keracunan makanan di negara ini.

Kesan infeksi bakteria itu membabitkan muntah-muntah, loya, cirit-birit dan juga kematian jika lewat dirawat.

Tragedi hidangan ayam masak merah yang meragut nyawa beberapa individu, baru-baru



SAMPEL makanan yang dieram dipindahkan ke dalam larutan dan dieram semula selama 18 jam.



SEI Kit MicroTEZ

ini, pasti menjadi isu merisaukan banyak pihak.

Walaupun bakteria Salmonella itu disahkan terkandung pada ayam, kontaminasi bakteria ini boleh terjadi pada buah-buahan, sayuran, daging dan telur selain produk ternusu.

Secara semula jadi bakteria Salmonella memang ada pada ayam, namun bilangannya dapat dikurangkan dengan peningkatan tahap kebersihan ladang ternakan.

Sedang negara dibayangi kebimbangan isu Salmone-

lla, penyelidikan MARDI tampil dengan produk Kit Pengesanan Pantas Bacteria Salmonella Bagi Produk Makanan.

Dikenali sebagai MicroTEZ, kit itu menjadi produk inovasi tempatan yang dibangunkan Pegawai Penyelidik Kanan MARDI, Noor Azlina Masdor.

Fasa pembangunan produk itu mengambil masa lima tahun untuk dibangunkan.

Dana penyelidikan bagi penghasilan kit itu pada awalnya diperolehi dari

pada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi geran IRPA sebelum diteruskan kepada fasa prapengkomersial menerusi dana Technofund di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) berjumlah RM1.5 juta.

Kit ini sudah melepasi beberapa fasa prapengkomersial dan bersedia untuk memasuki fasa pengkomersial dengan kerjasama Syarikat One-Point Healthlab.

Noor Azlina berkata, pembiayaan projek itu adalah kesinambungan Projek

IRPA kepada TechnoFund.

Tujuan utama pembiayaan projek di bawah TechnoFund bagi membangunkan produk ini daripada 'skala makmal' kepada 'skala komersial'.

"Mungkin selepas ini, kami akan memindahkan teknologi penghasilan kit berkenaan kepada OPHL dan syarikat itu yang akan bertanggungjawab untuk menyambung proses penghasilan produk yang dibangunkan sebelumnya," katanya.

Menyentuh mengenai idea menghasilkan produk inovasi itu, katanya kebanyakan makmal industri sebelum ini menggunakan kaedah mengesan bakteria Salmonella secara konvensional.

"Namun kaedah konvensional memerlukan masa yang agak panjang iaitu kira-kira lima hingga tujuh hari untuk mengesan bakteria ini," katanya.

Meskipun terdapat pelbagai kit pengesanan pantas komersial seumpamanya



NOOR Azlina

SAMBUNGAN...
HARIAN METRO (AGRO) : MUKA SURAT V3
TARIKH : 29 OKTOBER 2013 (SELASA)



SAMPEL kemudian dimasukkan ke dalam tiub.



PIPET digunakan untuk memasukkan sampel.



LYSIS dimasukkan ke dalam sampel.



AIR tidak diperlukan akan dibuang dan hanya bahagian keladak saja diambil untuk ujian.



SAMPEL yang sedia untuk diuji dan dititiskan ke dalam ruangan khas pada kit ujian.



KEPUTUSAN ujian pada kit boleh dilihat kurang dari 15 minit.

RAHMAH menunjukkan penggunaan kit yang mengambil masa singkat.

bagi mengesan pencemaran Salmonella, kit-kit ini perlu diimport dari luar negara dan terpaksa dijual dengan harga yang tinggi.

Kesannya, proses pengawalan keselamatan dan penyaringan produk makanan tidak mendapat perhatian serta diabaikan oleh pengusaha makanan.

Dengan pembangunan kit MicroTEZ hasil buatan Malaysia, ia bukan saja dapat menjimatkan kos import kit dari luar negara, malah harga kit dijual lebih murah.

Kesannya, pengusaha makanan dapat menggunakan kit ini bagi menyokong proses pengawalan keselamatan dan kualiti makanan mereka.

Mengulas lanjut mengenai Salmonella, katanya bakteria itu membiak dengan cepat terutama pada makanan yang dihidangkan separa masak.

"Masakan yang dimasak melebihi suhu 60 darjah Celsius ke atas dapat mematikan bakteria ini, tetapi ia masih boleh membiak jika masakan yang dimasak ku-

rang sempurna atau terdedah kepada pencemaran.

"Papan pemotong sayur juga menjadi sarang pembiakan bakteria ini terutama jenis kayu. Bacteria ini akan bersarang pada permukaan yang sudah pecah dan mudah merebak pada makanan lain.

"Jadi kaedah paling utama mengawal bakteria ini adalah dengan mengamalkan aspek kebersihan," katanya.

Berbanding kaedah konvensional katanya, kit MicroTEZ memberikan keputusan lebih singkat iaitu kurang daripada 15 minit selepas proses penyediaan sampel.

Sementara itu, Pengarah Urusan OPHL, Rahmah Ab Rahman berkata, kit dipasarkan syarikatnya sebagai langkah pencegahan.

"Sebelum sesuatu produk makanan sampai kepada pengguna, pihak pengeluar perlu periksa

dulu peringkat mana produk nak dikeluarkan.

"Jika kilang itu memproses nuget ayam bersalut, mereka perlu ada 'in house QC' kerana tiada toleransi dalam soal bakteria itu," katanya.

Menurutnya, kit berkenaan sudah pun selesai peringkat prakomersialan manakala syarikat akan mengeluarkan dan memasarkan produk untuk pasaran tempatan dan luar negara.

"Kit ini menarik perhatian ramai negara luar seperti Indonesia, Vietnam, Iran dan Russia kerana harganya berpatutan.

Kit ini mirip seperti alat ujian kehamilan yang terdapat di pasaran.

"Sampel yang disediakan hanya perlu dititiskan pada ruangan disediakan dan keputusan akan diperoleh kurang dari 15 minit.

"Dua garisan akan terbentuk iaitu garisan kawalan 'C' dan garisan ujian 'T'. Jika sesuatu sampel itu mengandungi Salmonella, kedua-dua garisan 'C' dan 'T' akan terbentuk.

"Manakala bagi sampel yang negatif, hanya garisan 'C' saja yang terbentuk," katanya.

Pokok misai kucing rawat buah pinggang



INFO AGRO

- Nama saintifiknya Orthosiphon stamineus daripada keluarga Lamiaceae.
- Ia adalah sejenis pokok renek yang banyak terdapat di negara-negara Asia Tenggara.
- Pokok ini menjadi bahan penting yang digunakan dalam perubatan tradisional.
- Herba misai kucing digunakan sejak beratus-ratus tahun dulu oleh pengamal perubatan tradisional untuk merawat penyakit berkaitan pundi kencing (seperti batu karang) dan buah pinggang.
- Tanaman herba ini boleh ditanam di atas tanah mineral atau tanah gambut, tetapi lebih baik sekiranya disusahakan di atas tanah subur yang mempunyai saliran baik.
- Tumbuhan ini mudah tumbuh dengan pembiakan melalui biji benih.
- Ia dikenali pasti sebagai salah satu jenis tanaman herba yang berpotensi untuk ditanam secara komersial memandangkan ia mudah disusahakan.
- Herba ini cepat tumbuh dan ketinggiannya boleh mencapai sehingga 1.5 meter.
- Batangnya bersegi empat, berbulu pendek dan bercabang.
- Daunnya tersusun dalam pasangan yang bertentangan, licin, berwarna hijau, berbentuk tirus di hujung dan tepi daun berjeriji.
- Tangkai daun pendek, lebih kurang 0.3 meter panjang dan berwarna ungu kemerahan.
- Di negara ini, dua varieti dikenali pasti berdasarkan warna bunga iaitu bunga putih dan bunga ungu tua.
- Varieti bunga putih dikenali sebagai MOS 1, manakala varieti warna ungu dikenali sebagai MOS 2.
- Terdapat perbezaan pertumbuhan antara dua varieti ini.

- MOS 1 mempunyai kanopi lebih besar, tinggi dan pertumbuhan yang lebih subur.
- Ia juga mempunyai kadar pertumbuhan ranting lebih banyak dan cepat berbanding MOS 2.
- Misai kucing mudah ditanam dan sesuai dijual di pelbagai jenis tanah termasuk tanah berpasir seperti bris dan aluvium.
- Untuk pertumbuhan yang baik, purata hujan bulanan yang diperlukan ialah 180 hingga 200cm.
- Pengairan hendaklah diberi pada musim kering.
- Pokok misai kucing yang mengalami kekurangan air akan menghasilkan daun kecil, rapuh dan keras.
- Berbanding dengan tanaman lain, misai kucing didapati tahan terhadap air bertakung.
- Pertumbuhan pokok didapati tidak terjejas walaupun mengalami air bertakung selama 24 jam.
- Tanaman ini memerlukan kawasan yang lembap untuk pertumbuhan vegetatif yang maksimum.
- Bagi tanah bris, misai kucing memerlukan 30 hingga 40 peratus teduh jika penanaman dijalankan pada musim kering iaitu pada Januari hingga Jun.
- Kawasan tanaman biasanya dibajak sekurang-kurangnya satu bulan sebelum menanam.
- Ini bagi memastikan rumput dan tumbuhan renek yang terdapat di kawasan tanaman dapat dihapuskan.
- Pengapuran dengan kapur magnesium berkisar (GML) dijalankan selepas pembajakan pertama.
- Aktiviti ini bertujuan bagi memastikan kapur bergaul sebatian dengan tanah.
- Kadar kapur yang diberi bergantung kepada nilai pH tanah berkenaan dan pH optimum adalah antara 5.5 hingga 6.0.

Grooming engineers for semiconductor fabricators

TalentCorp to address needs in effort to move Malaysia up the value chain

THE SEMICONDUCTOR Fabrication Association of Malaysia (SFAM) and Mimos, together with TalentCorp launched the Talent Development Programme 2013 today, in a move to overcome the severe shortage of skilled semiconductor engineers locally.

The programme launch was graced by Datuk Hamim Samuri, Deputy Minister of International Trade and Industry.

SFAM chairman Dr

Kamarulzaman Mohamed Zin, who is also the chief executive officer of Silterra Malaysia Sdn Bhd, said there is a pressing need to increase the number of engineers, scientists and technologists to serve this highly competitive global industry, which is in line with the aspiration of the Economic Transformation Programme in moving up the value chain within the electrical and electronics industry.

SFAM's talent development

objectives include bridging the gap between academia and the industry and creating more local semiconductor technopreneurs. It is envisioned that an increased pool of higher-tiered skilled workforce in the country will move Malaysia up the value chain and encourages more local start-up companies in high-tech fields.

This will in turn, encourage more foreign investment into the country and set Malaysia up as a cost-effective semiconductor hub



Official recognition: (From left) Abd Aziz Abd Kadir; Mosti deputy secretary-general (Science) Prof Datin Paduka Dr Khatijah Mohamad Yusoff; SFAM chairman Dr Kamarulzaman Mohamed Zin look on as Hamim signs a plaque signalling the launch of the talent development programme.

with sufficient local resources.

Mimos chief operating officer Abd Aziz Abd Kadir said Mimos, as the National R&D Centre in ICT having a state-of-the-art wafer fabrication plant, is committed to provide talent development, semiconductor shared facilities and services to the E&E industries in Malaysia.

"We are giving back to the community by positioning Government assets to enhance the E&E eco-system by offering them for industry and academia use," he added.

Mimos Wafer Fabrication plant includes facilities for IC Design, Failure Analysis, Testing and Reliability Lab and Advanced Skills Lab. Mimos will be providing training for a specially-designed programme for SFAM members called SFAM Graduates Upskilling Development.

Not just limited to SFAM members, Mimos' Advanced Skills Training Centre is also open to E&E based companies, universities and other training organisations.

Mimos' experience of over 15

years in Wafer Fabrication, analysis, design and support equipment repair enables it to offer on-the-job high-end training schemes based on the industry's needs.

To-date, Mimos has trained 850 local engineers to become highly-qualified experts. In a nutshell, the economic return from having skilled talents is about RM1.3bil to RM1.7bil a year.

"Programmes like this are a shining example of the public and private sectors working together to collectively address their talent requirements by empowering our young Malaysian talent with the right knowledge and skills to further boost their employability within the sector," said chief executive officer of TalentCorp Johan Mahmood Merican.

SFAM, founded in 2012 is made up of players in the E&E industry, namely Mimos, X-Fab, Silterra, ON Semiconductor, Osram, Fuji Electric and Infineon; with a main goal to strengthen the E&E eco-system in Malaysia.

SFAM's Talent Development Programme 2013 is sponsored by TalentCorp Malaysia.

Underway: In August a group of talent for the electrical & electronics industry started training at Mimos' world-class wafer lab under the talent development programme.



KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 38
TARIKH: 29 OKTOBER 2013 (SELASA)

Produk UTM diiktiraf

Johor Bahru: Produk yang dihasilkan penyelidik Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Virgin Coconut oil-based Cleansing Agent, diiktiraf sebagai produk terbaik dalam Pameran dan Persidangan BioMalaysia dan Bioekonomi Asia Pasifik 2013 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor (Persada Johor), di sini, baru-baru ini.

Produk yang dihasilkan penyelidik dari Institut Pembangunan Bioproduk (IBD) UTM itu memenangi anugerah utama Biotechnology Innovation of The Year Award.

Pemangku Naib Canselor UTM Profesor Dr Mohd Azraai Kassim berkata, selain kejayaan itu, UTM turut tersenarai sebagai institusi penyelidikan paling banyak memenangi pingat dalam pertandingan berkenaan apabila berjaya membawa pulang lima emas, 15 perak dan 10 gangsa daripada 35 reka cipta dan inovasi.

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 29 OKTOBER 2013 (SELASA)



***Designed* Program Bual Bicara Baharu Bernama Radio24**

KUALA LUMPUR, 28 Okt (Bernama) -- Bernama Radio24, stesen radio berita pertama negara memperkenalkan program bual bicara mingguan baharu dikenali sebagai *Designed* untuk membincangkan mengenai cabaran dan perkembangan industri kreatif.

Slot pertamanya disiarkan Rabu lepas.

Diterbitkan oleh Glenreagh dan dijayakan oleh CUTOUT bersama-sama [Majlis Rekabentuk Malaysia \(MRM\)](#) program itu akan memberi peluang kepada industri kreatif bercakap mengenai cabaran, pembangunan dan bagaimana reka bentuk menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara.

Program itu dilancarkan Pengurus Besar Bernama Datuk Yong Soo Heong di Wisma Bernama di sini Isnin.

Yong berkata Radio24 mempamerkan kelainan dengan menyiarkan program berbentuk kreatif dan reka bentuk, berbeza daripada kelazimannya yang sering menyiarkan liputan berita agenda negara.

"Program baharu ini menunjukkan Bernama juga mempunyai minat mendalam dalam bidang pembangunan reka bentuk di negara ini...kita berharap Bernama boleh menyumbang sesuatu menerusi program bual bicara *Designed* untuk negara," katanya kepada pemberita selepas itu.

Dengan matlamat meningkatkan taraf industri kreatif di Malaysia, slot *Designed* akan datang menampilkan personaliti menarik daripada pelbagai bidang industri kreatif, anggota majlis reka bentuk dan persatuan itu serta pelbagai topik berkaitan reka bentuk, kreativiti dan inovasi.

Sementara itu, [Pengurus Besar MRM Futom Shikh Jaafar](#) berkata keperluan mengukuhkan hubungan dalam industri kreatif, yang baru-baru ini didapati menyumbang secara ketara kepada kemajuan ekonomi negara, mendorong MRM menyokong usaha menjayakan *Designed* sebagai program radio pertama bagi sektor reka bentuk.

Katanya dengan penyiaran *Designed* di Bernama Radio24, ia boleh memberi perubahan positif bagi industri reka bentuk yang menunjukkan keupayaannya memainkan peranan penting dalam dasar berkaitan dan hala tuju yang dilaksanakan kerajaan.

Penerbit Eksekutif *Designed* Nordin Abdullah berkata program itu akan memberi perspektif yang lebih segar kepada pendengar, yang boleh diakses menerusi radio, dalam talian dan aliran mudah alih.

Beliau berkata Bernama Radio24 dipilih untuk program itu kerana ia mempunyai pendengar yang ramai termasuk kerajaan dan pembuat dasar.

"Kita mahukan perubahan dan masa depan yang lebih baik bagi industri ini...kita perlu sampaikan kepada sasaran pendengar yang tepat, sebab ia adalah penting dan sebab itu kita pilih Bernama Radio24," katanya.

Dengan tagline 'Kreativiti Terkini: Kerjasama Kreatif Memperkasa Rakyat' program itu dihoskan Vivian Toh.

Ia menyasarkan untuk menarik pelbagai kategori pendengar terdiri daripada golongan industri kreatif, pereka bentuk, institusi dan pelajar pengajian tinggi, usahawan, majlis reka bentuk, pembuat dasar dan pemilik perniagaan.

Designed ke udara setiap Rabu dari 9.15 malam hingga 10 malam menerusi frekuensi FM93.9 di Lembah Klang dan FM107.5 di Johor manakala siaran langsung juga boleh diikuti di laman sesawang www.radio24.com.my atau aliran mudah alih di www.radio24.ada.fm.

-- BERNAMA